




ZULFAQAR International Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: www.zulfaqar.upnm.edu.my



Konsep Zikir Menurut Hadith Bersumberkan al-Kutub al-Sittah *The Concept of Dhikr Based on Hadith in al-Kutub al-Sittah*

Mohammad Fahmi Abdul Hamid^{a,*}, Ishak Suliaman^a

^aJabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

*Corresponding author: fahmihamid8811@gmail.com

ARTICLE INFO

Article history:

Received
22-10-2018
Received in revised
01-12-2018
Accepted
04-12-2018
Available online
31-12-2018

Keywords:

Zikir,
Hadith,
al-Kutub al-Sittah,
Islam

Dhikr,
Hadith,
al-Kutub al-Sittah,
Islam

e-ISSN:

Type: Article

ABSTRACT

Zikir merupakan amalan yang disyariatkan dalam Islam serta banyak disebutkan di dalam al-Quran dan Hadith Nabi Muhammad s.a.w. Peranan zikir sangat luar biasa kerana ianya boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia serta dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, untuk berzikir kepada Allah, setiap Muslim harus mengetahui konsep zikir berpandukan kepada al-Quran dan Hadith kerana ia merupakan sumber yang dijamin kesahihannya dan tidak boleh dipertikaikan. Maka, artikel ini menghuraikan konsep zikir bersumberkan hadith berkaitan zikir dalam al-Kutub al-Sittah. Fakta yang dikumpulkan daripada hadith berkaitan zikir dianalisis melalui kaedah kualitatif. Hasil menunjukkan bahawa keseluruhan hadith dalam al-Kutub al-Sittah berkaitan zikir adalah sebanyak 312 hadith (termasuk bilangan hadith berulang) iaitu 247 merupakan Hadith Sahih, 39 Hadith Daif, 16 Hadith Hasan, empat Hadith Hasan Sahih, empat Hadith Munkar dan dua Hadith Daif Jiddan. Konklusinya, konsep zikir menurut Nabi s.a.w meliputi tujuh aspek iaitu anjuran dan jenis zikir, kaedah berzikir, kadar suara, waktu, lafaz dan bilangan, tempat dan ganjaran zikir. Penemuan kajian ini boleh dijadikan rujukan berkenaan konsep zikir mengikut hadith Nabi s.a.w.

Dhikr is a practice that is prescribed in Islam and widely mentioned in the al-Quran and al-Hadith of the Prophet s.a.w. The role of *dhikr* is very peculiar because it can cleanse and purify the human soul and can bring human soul closer to Allah s.w.t. Every Muslim should know the concept of *dhikr* based on the al-Quran and al-Hadith because these two sources that are guaranteed legitimacy and cannot be disputed. This article describes the concept of *dhikr* according to the *hadith* of the Prophet s.a.w based on *hadith* related to *dhikr* in al-Kutub al-Sittah. Facts gain from this study were analyzed via quantitative and qualitative methods and results have shown that in al-Kutub al-Sittah, there were 312 *hadith* related to *dhikr* and from this total (including repeated *hadith*), 247 were *hadith sahih*, 39 were *hadith daif*, 16 were *hadith hasan*, four were *hadith hasan sahih*, four were *hadith munkar* and two were *hadith daif jiddan*. Conclusion, the concept of *dhikr* according to the Prophet s.a.w covers seven aspects namely as type, method, voice volume, timing, pronouncement, number, venue and reward of *dhikr*. Findings of this study can be used as a reference for *dhikr's* concept according to the *hadith* of Prophet s.a.w.

© 2018 UPNM Press. All rights reserved.

Pendahuluan

Zikir merupakan amalan yang disyariatkan dalam Islam. Perintah berzikir banyak disebut dalam al-Quran dan hadith Nabi Muhammad s.a.w. Zikir kepada Allah s.w.t wajar dilazimi kerana ketidakstabilan jiwa manusia yang kadangkala lemah dan kuat. Walaubagaimanapun, amalan tersebut harus berpandukan al-Quran dan Hadith kerana ianya merupakan sumber yang dijamin kesahihannya dan tidak boleh dipertikaikan.

Fokus artikel ini menghuraikan konsep zikir bersumberkan hadith berkaitan zikir yang terkandung dalam *al-Kutub al-Sittah*. Menggunakan kaedah analisis kualitatif terhadap teks hadith berkaitan zikir dalam *al-Kutub al-Sittah* sebagai data primer. Justifikasi pemilihan hadith dimasukkan dalam artikel ini kerana liputan teks hadith mencukupi apabila melibatkan perbincangan konsep zikir dan pengamalannya daripada Nabi s.a.w. Manakala sumber sekunder pula berdasarkan rujukan kitab syarah hadith muktabar seperti *Fath al-Bari Fi Syarh Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim Bi Syarah Imam Nawawi*, *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram* dan kitab lain yang berkaitan bagi melihat *fiqh al-hadith* tentang hadith berkaitan zikir yang dimasukkan dalam artikel ini.

Perkataan Zikir dalam Al-Quran

Perkataan zikir dalam bahasa Arab berasal daripada kata dasar ذَكَرَ (dhakara) yang membawa maksud memelihara sesuatu, menyebut dengan hati, menyebut setelah terlupa dan mempelajari (Ibn Manzur, 2013). Dalam al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah (1992), zikir daripada sudut bahasa ialah sesuatu yang disebut dengan lisan atau menghadirkan sesuatu pada hati. Manakala daripada segi istilah pula, zikir ialah ingatan hamba kepada Tuhannya sama ada daripada segi zat, sifat, perbuatan dan hukum, melalui membaca al-Quran, berdoa, mensucikan, memuliakan, mentauhidkan, memuji, mensyukuri dan mengagungkan-Nya. Menurut Kamus Dewan (2018), ejaan zikir dan *al-Dhikr* bermaksud suatu perbuatan mengingat, memuji dan berdoa kepada Allah s.w.t dengan berulang-ulang.

Perkataan zikir banyak ditemui dalam al-Quran dan mempunyai pelbagai pentafsiran bergantung kepada kesesuaian konteks ayat al-Quran tersebut. Menurut Ibn Manzur (2013), lafaz zikir mempunyai 10 makna, Muhammad 'Ali at-Tahanawi pula (1996) menyatakan terdapat 18 makna dan menurut al-Suyuti pula (t.t) terdapat 19 makna. Ringkasan makna perkataan zikir dalam al-Quran boleh dirujuk pada jadual 1 dibawah;

Jadual 1: Perkataan Zikir Yang Terdapat Dalam al-Quran


BIL	PERKATAAN ZIKIR YANG TERDAPAT DALAM AL-QURAN MEMBERI MAKSUD YANG BERBEZA	SUMBER
1	ذكر اللسان (Zikir lisan) - surah ali-Imran ayat 135	Wahbah Zuhaili, 2009
2	ذكر القلب (Zikir hati) - surah ali-Imran ayat 135	Wahbah Zuhaili, 2009
3	الحفظ (Pelihara) - surah al-Baqarah ayat 63	Soleh Muhammad Alu Syeikh, 2009
4	الطاعة والجزاء (Taat dan ganjaran) - surah al-Baqarah ayat 152	Wahbah Zuhaili, 2009
5	الصلاة (Solat) - surah al-Baqarah ayat 239	Ibn Kathir, 1997
6	الصلوات الخمس (Solat lima waktu) - surah al-Baqarah ayat 239	Ibn Kathir, 1997
7	صلاة الجمعة (Solat jumaat) - surah al-Jumuah ayat 9	Al-Sa'di, 2002
8	صلاة العصر (Solat asar) - surah Sad ayat 32	Ibn Kathir, 1997
9	العظة (Pengajaran atau nasihat) - surah al-Zariyyat ayat 55	al-Jazairi, 1990
10	البيان (Keterangan) - surah Al-'A'raf ayat 69	al-Maraghi, 1946
11	الحديث (Pemberitahuan) - surah Yusuf ayat 42	Ibrahim Ahmad, 1984
12	القران (al-Quran) - surah Taha ayat 124	Al-Sa'di, 2002
13	التوراة (Taurat) - surah al-Nahl ayat 43	at-Tabari, 2001
14	الوحي (Wahyu) - surah al-Saffat ayat 3	Soleh al-Uthaimin, 2003
15	الخير (Berita) - surah al-Kahfi ayat 83	al-Sa'di, 2002
16	الشرف (Kemuliaan) - surah al-Zukhruf ayat 44	at-Tabari, 2001

BIL	PERKATAAN ZIKIR YANG TERDAPAT DALAM AL-QURAN MEMBERI MAKSUD YANG BERBEZA	SUMBER
17	الثناء (Kepujian) - surah al-Ahzab ayat 21	al-Sa'di, 2002
18	العيب (Keaiban) - surah al-Anbiya' ayat 36	al-Jawzi, 1983
19	اللوح المحفوظ (Luh Mahfuz) - surah al-Anbiya' ayat 105	al-Jazairi, 1990

Menurut 'Abd al-Qadir 'Isa (1981) pula, lafaz zikir merupakan lafaz yang memiliki lebih daripada satu makna. Walau bagaimanapun, dasar utama dalam memahami makna zikir adalah merujuk kepada makna yang paling banyak digunakan iaitu zikir kepada Allah dan jarang perkataan zikir dikaitkan sebagai maksud lain. Manakala, jika terdapat makna lain yang boleh dipadankan dengan perkataan zikir dalam al-Quran, ianya bergantung kepada petanda untuk membenarkan makna lain tersebut untuk digunakan, dan sekiranya tiada sebarang petanda tertentu, maka makna zikir akan dirujuk kepada tiga maksud asas iaitu menyebut, mengingat dan memuji (al-Shirazi, 2001).


Bilangan Hadith Zikir dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

Hasil kajian menunjukkan dalam *al-Kutub al-Sittah* terdapat 312 hadith berkaitan zikir (termasuk bilangan hadith berulang). Sahih Muslim mempunyai hadith zikir yang tertinggi iaitu sebanyak 78 hadith diikuti Jami' al-Tirmidhi sebanyak 75 hadith, Sunan Ibn Majah 49 hadith, Sahih al-Bukhari 48 hadith, Sunan Abu Dawud 39 hadith dan Sunan al-Nasa'i 23 hadith. Rajah 1 menunjukkan taburan taraf keseluruhan hadith berkaitan zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*.



Rajah 1: Bilangan keseluruhan hadith zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*

Kesemua hadith dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim merupakan Hadith Sahih yang tidak perlu dipertikaikan lagi kesahihan taraf hadithnya. Bagi hadith selain daripada kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim, penarafan dilakukan berdasarkan penilaian hadith yang dilakukan oleh Syeikh Nasir al-Din al-Albani, iaitu kitab Sahih Jami' al-Tirmidhi, Sahih Abu Dawud, Sahih Sunan Ibn Majah dan Sahih Sunan al-Nasa'i. Hasil kajian mendapati, daripada jumlah keseluruhan 312 hadith, 247 merupakan Hadith Sahih, 39 Hadith Daif, 16 Hadith Hasan, empat Hadith Hasan Sahih, empat Hadith Munkar dan dua Hadith Daif Jiddan. Rajah 2 menunjukkan taburan taraf keseluruhan hadith berkaitan zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*.



Rajah 2: Taburan taraf keseluruhan hadith berkaitan zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*

Fokus Hadith Zikir Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

Hasil analisis terhadap taburan hadith berkaitan zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*, menunjukkan terdapat tujuh fokus hadith utama iaitu hadith yang menjelaskan; [Pertama] anjuran berzikir dan jenis zikir, [Kedua] kaedah berzikir, [Ketiga] kadar suara ketika berzikir, [Keempat] waktu berzikir, [Kelima] lafaz dan bilangan zikir, [Keenam] tempat berzikir dan [Ketujuh] kelebihan dan ganjaran berzikir.

Fiqh *Al-Hadith* Berkenaan Hadith Zikir

Berdasarkan penelitian terhadap fokus *fiqh al-Hadith* berkenaan hadith zikir dalam *al-Kutub al-Sittah*, hasil mendapati terdapat tujuh fokus hadith yang telah dikenalpasti. Maka, pembentangan teks hadith dibawah tertumpu kepada tujuh fokus yang telah dinyatakan sahaja.

i. **Hadith Pertama:** Hadith Menjelaskan Tentang Anjuran Berzikir dan Jenis Zikir

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a, beliau berkata;

“Nabi s.a.w bersabda, Allah berfirman, “Aku sesuai dengan sangkaan hambaKu, dan Aku bersama hambaKu ketika dia mengingatKu. Jika dia mengingatKu di dalam dirinya, maka Aku mengingatnya di dalam diriKu, dan jika dia mengingatKu di tengah khalayak, maka Aku mengingatnya di tengah khalayak yang lebih baik daripada mereka. Jika dia mendekati diri kepadaKu sejengkal, Aku mendekati kepadanya sehasta, dan jika dia mendekati diri kepadaKu sehasta, maka Aku mendekati kepadanya sedepa, dan jika dia datang kepadaKu dengan berjalan, maka Aku mendatangnya dengan berlari”. (Sahih Muslim, no. Hadith 6805)

Merujuk kepada hadith di atas, terdapat tiga cara untuk mengingat Allah, [Pertama] melalui pengagungan terhadap Allah, [Kedua] melalui solat dan ini cara utama yang perlu dilakukan oleh setiap Muslim, [Ketiga] melalui mengingat Allah dengan sentiasa berzikir kepada Allah dan dengan zikir tersebut hati menjadi tenteram (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001). Selain itu terdapat hadith yang menjelaskan tentang jenis zikir iaitu,

Terjemahan: Daripada Abu Musa, beliau mengatakan bahawa Nabi s.a.w bersabda;

“Perumpamaan orang yang berzikir kepada Tuhannya dan yang tidak berzikir kepada Tuhannya adalah seperti yang hidup dan yang mati”.

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2001), hadith riwayat Abu Musa di atas menjelaskan mengenai zikir lisan, zikir hati serta zikir lisan dan hati. Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2001) perkataan zikir kepada Allah dalam hadith tersebut meliputi dua jenis zikir; [Pertama] Zikir lisan dengan melafazkan zikir yang mensucikan, mentauhidkan, dan mengagungkan Allah seperti lafaz tasbih, tahlil, takbir, *hawqalah*, *basmalah*, *hasballah* dan *istighfar*. Berdoa memohon kebaikan di dunia dan akhirat juga dikategorikan sebagai zikir lisan. Zikir lisan pula tidak disyaratkan untuk menghadirkan sekali maknanya. Namun begitu jika seseorang mampu berzikir lisan dan mampu menghidrarkannya dalam hati maka itu adalah maqam yang tinggi. [Kedua] zikir hati iaitu menghayati dalil berkaitan zat, sifat dan kebesaran Allah s.w.t. Al-Fakhrurazi menjelaskan, [Ketiga] zikir dengan menggunakan anggota badan sebagai tanda pengabdian diri dan ketaatan kepada Allah s.w.t. Menurut Imam Al-Nawawi (2005) pula, setiap orang yang beramal kerana Allah s.w.t juga dikategorikan sebagai zikir.

ii. Hadith Kedua: Hadith Menjelaskan Tentang Kaedah Berzikir

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah dan Abu Sa'id al-Khudri bahawa mereka menyaksikan Rasulullah bersabda;

"Tidaklah suatu kaum berzikir kepada Allah kecuali para malaikat mengelilingi mereka, rahmat menaungi mereka, ketenangan turun ke atas mereka dan Allah menyebut-nyebut mereka kepada (para malaikat) yang berada di sisi-Nya". (Jami' al-Tirmizi, no. Hadith 3378)

Menurut al-San'ani (2006), hadith di atas menjelaskan tentang keutamaan majlis zikir, orang yang berzikir serta keutamaan berkumpul untuk mengingat Allah s.w.t. Majlis zikir yang dimaksudkan dalam hadith ialah majlis zikir yang meliputi zikir tasbih, takbir dan sebagainya, majlis membaca al-Quran dan berdoa memohon kebaikan dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun perihal membaca hadith, majlis ilmu dan melaksanakan solat sunat pula perlu diteliti kerana majlis zikir yang dimaksudkan dalam hadith di atas adalah majlis zikir tasbih dan takbir (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001). Manakala hadith dibawah pula menjelaskan tentang zikir secara individu;

Terjemahan: 'Daripada Abu Hurairah r.a, daripada Nabi s.a.w, baginda bersabda;

"Ada tujuh golongan manusia yang akan mendapat perlindungan Allah s.w.t di saat tidak ada perlindungan kecuali perlindungan Allah s.w.t....(salah satu di antaranya) seorang lelaki yang mengingati (berzikir) kepada Allah dalam keadaan sendirian, lalu air matanya bercucuran'. (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 1423)

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2001), hadith di atas menjelaskan tentang seorang lelaki yang berzikir (mengingati) Allah dalam keadaan sendirian. Lafaz hadith tersebut menunjukkan bilangan seorang dan tidak menunjukkan bilangan ramai. Lafaz lelaki dalam hadith tersebut tidak terikat hanya kepada lelaki sahaja tetapi juga melibatkan perempuan.

iii. Hadith Ketiga: Hadith Menjelaskan Tentang Kadar Suara Ketika Berzikir

Terjemahan: Daripada Abu Musa;

"Kami pernah menyertai Rasulullah s.a.w dalam satu perjalanan. Tiba-tiba, beberapa orang sahabat bertakbir dengan suara keras. Setelah mendengar takbir itu, Rasulullah s.a.w pun bersabda, "Wahai manusia, rendahkanlah suara kalian. Sesungguhnya kalian tidak berdoa kepada zat yang tuli dan jauh. Tetapi kalian berdoa kepada Rabb yang Maha Mendengar dan Maha Dekat. Dia selalu bersama kalian". " (Sahih Muslim, no. Hadith 6862)

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2001), majoriti ulama salaf daripada kalangan para sahabat dan tabi'in menyatakan hadith di atas menunjukkan tentang anjuran untuk merendahkan suara ketika berzikir. Namun jika mahu menguatkan suara boleh sahaja berzikir dengan suara yang kuat (al-Nawawi, 2003). Ini berdasarkan hadith tentang berzikir dengan suara kuat;

Terjemahannya: Bahawa Ibn Abbas r.a berkata;

“Sesungguhnya menyaringkan suara ketika berzikir setelah mengerjakan solat fardu pernah dilakukan pada zaman Nabi s.a.w”. Selanjutnya Ibn Abbas berkata, “Ketika mendengar zikir, aku mengetahui bahawa solat jemaah telah selesai”. (Sahih al-Bukhari, no. hadith 841)

Berdasarkan hadith di atas, amalan zikir secara kuat pernah dilakukan pada zaman Nabi s.a.w dan hadith ini sebagai petunjuk dibolehkan untuk mengangkat atau mengeraskan sedikit suara ketika zikir selepas solat fardu (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001). Ibn Hazm juga merupakan ulama di kalangan mutaakhirin yang berpendapat mengangkat atau mengeraskan sedikit suara ketika berzikir adalah sunat. Walaubagaimanapun, tidak sealiran dengan Ibn Battal yang tidak bersetuju dengan amalan mengeraskan suara ketika berzikir. Imam al-Syafi’e pula mempunyai pendapat yang tersendiri dengan menggunakan hadith ini sebagai dalil dibolehkan imam mengeraskan suara sebentar ketika berzikir dengan tujuan untuk mengajar makmum untuk berzikir tetapi tidak mengeraskan zikir secara terus menerus (al-Nawawi, 2003).

iv. **Hadith Keempat:** Hadith Menjelaskan Tentang Waktu Berzikir

Terjemahan: Daripada A’isyah, beliau berkata;

“Nabi s.a.w sentiasa berzikir kepada Allah (setiap saat) dalam keadaan apa sekalipun”. (Sahih Muslim, no. Hadith 826)

Hadith di atas merupakan dalil diperbolehkan berzikir dengan lafaz zikir tasbih, tahlil, takbir, tahmid dan zikir-zikir lain kerana jelas Nabi s.a.w berzikir pada setiap masa, keadaan dan tempat ketika berbaring, duduk dan berjalan. Namun Baginda tidak berzikir pada tempat kotor dan dalam keadaan junub (al-Nawawi, 2003). Manakala hadith di bawah menjelaskan tentang zikir yang terikat dengan waktu dan bilangan tertentu seperti zikir selepas solat, sebelum tidur dan waktu pagi dan petang;

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah, para sahabat daripada golongan miskin datang kepada Nabi s.a.w dan berkata;

“Wahai Rasulullah, orang-orang kaya yang meninggal dengan membawa darjat yang tinggi dan nikmat yang kekal. Mereka solat sebagaimana kami solat, ... kalian bertasbih dan bertahmid serta bertakbir selepas solat ... hingga tiap-tiap darinya berjumlah tiga puluh tiga kali”. (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 843)

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani (2003), hadith di atas merupakan dalil keutamaan berzikir selepas solat dengan penetapan bilangan tertentu iaitu lafaz tasbih 33 kali, lafaz tahmid 33 kali dan lafaz takbir 34 kali. Manakala hadith di bawah menjelaskan tentang zikir yang dilakukan sebelum tidur;

Terjemahan: Daripada ‘Ali,Baginda bersabda:

“Mahukah kamu berdua aku ajarkan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang kamu berdua minta? Ketika kalian berbaring hendak tidur, maka bacalah takbir 34 kali, tasbih 33 kali dan tahmid 33 kali. Sesungguhnya yang demikian itu lebih baik bagi kalian daripada seorang pembantu. (Sahih Muslim, no. Hadith 6915)

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani (2003), hadith ini menunjukkan bahawa sunat berzikir dengan kaedah yang dinyatakan dalam hadith di atas sebelum tidur kerana dengan berzikir mampu menenangkan hati dan fikiran disebabkan penat bekerja seharian di waktu siang. Manakala hadith di bawah pula menjelaskan tentang zikir yang dilakukan pada pagi ataupun petang;

Daripada Abu Hurairah r.a., Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda;

“Barangsiapa yang mengucapkan La ilaha illallah wahdahu la syarikalah laahul mulku walahul hamdu wahuwa ala kulli syai’in qadir sebanyak seratus kali dalam sehari, maka ia seperti memerdekan sepuluh orang hamba, dituliskan baginya seratus kebaikan, dihapuskan darinya seratus keburukan, ia menjadi perlindungan baginya daripada syaitan pada hari itu hingga petang. Dan tidak ada seorang pun yang dapat mendatangkan yang lebih baik daripada apa yang dibawanya, kecuali seseorang yang melakukan lebih banyak daripadanya”. (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6403)

Hadith ini menjelaskan zikir terikat dengan waktu dan keadaan tertentu iaitu dilakukan pada waktu pagi atau boleh dilakukan pada waktu pagi dan bakinya dilakukan pada waktu petang tetapi lebih utama dilakukan pada waktu pagi. Zikir ini boleh dilakukan pada waktu petang dan barangsiapa yang melafazkan pada waktu petang tetap mendapat perlindungan daripada Allah s.w.t (al-Nawawi, 2003).

v. **Hadith Kelima:** Hadith Menjelaskan Tentang Lafaz dan Bilangan Zikir

a. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir tahlil;

Terjemahan: Daripada Jabir bin ‘Abd Allah r.a berkata, aku mendengar Nabi s.a.w bersabda,

“Zikir yang paling utama adalah La ilaha illallah”. (Jami’ Tirmidhi, no. Hadith 3383)

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani (2001) , lafaz tahlil merupakan sebaik-baik lafaz zikir yang diucapkan oleh Nabi s.a.w dan nabi-nabi sebelumnya kerana lafaz tahlil merupakan salah satu nama daripada nama Allah. Selain itu, kalimah tahlil merupakan satu bentuk pernyataan tauhid, penafian sifat-sifat uluhiyah daripada makhluk serta penetapan bahawa semuanya adalah milik Allah. Zahir lafaz tahlil menunjukkan ianya lebih utama daripada tasbih kerana lafaz tahlil merupakan lafaz mentauhidkan Allah manakala lafaz tasbih pula zahirnya lafaz mensucikan Allah. Namun begitu, kedua-dua lafaz tersebut merupakan lafaz tauhid kepada Allah dan yang membezakannya adalah zahir lafaz tersebut sahaja.

Nabi menganjurkan berzikir tahlil dengan lafaz لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ tanpa sebarang had bilangan (Jami’ al-Tirmidhi, no. Hadith 3383), Nabi juga menganjurkan melafaz zikir tahlil لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ sebanyak 100 kali (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6403) dan Nabi juga pernah melafazkan zikir tahlil sebanyak 10 kali sehari (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6404) serta 10 kali selepas solat (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 844). Selain itu, Nabi pernah melafazkan lafaz tahlil لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ketika dalam kesulitan (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6345), Nabi juga pernah melafazkan lafaz tahlil لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهَا وَاحِدًا أَحَدًا صَمَدًا لَمْ يَتَّخِذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا وَمَنْ يَكُنْ لَهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ خَيْرٍ يَجْعَلْ لَهُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا وَلَا يَنْتَعِزُّ مِنْ ظِلِّهِ يَوْمَ الْقِيَامِ إِلَّا الَّذِينَ كَانُوا عَدُوًّا لِلَّهِ أَوْ كَانُوا فِيهَا يَسْتَفْتِهِمْ sebanyak 10 kali (Jami’ al-Tirmidhi, no. Hadith 3473), Nabi juga pernah menganjurkan melafazkan lafaz tahlil لَهُ الْمُلْكُ لَهُ شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْحَمْدُ ، يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ sebanyak 10 kali selepas solat Maghrib dan Subuh (Jami’ al-Tirmidhi, no. Hadith 3534 dan 3474), dan juga pernah melafazkan zikir tahlil ini ketika baginda pulang daripada peperangan, haji dan umrah (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 1797).

b. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir tasbih;

Terjemahan: Daripada Abu Dzar bahawa Rasulullah s.a.w pernah ditanya;

“Zikir apa yang paling utama?” Baginda menjawab, *“Zikir yang dipikirkan Allah bagi para malaikatNya dan hamba-hambaNya iaitu Subhanallah wa Bihamdih* (Sahih Muslim, no. Hadith 6925)

Menurut Imam al-Nawawi (2003) lafaz tasbih merupakan lebih utama jika dibandingkan dengan perkataan manusia. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan al-Quran maka al-

Quran adalah lebih mulia daripada lafaz tasbih dan tahlil secara mutlak. Terdapat beberapa jenis lafaz tasbih ma'thur yang Nabi s.a.w anjurkan untuk beramal, seperti lafaz tasbih *سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ* sebanyak 100 kali setiap hari (Sahih Muslim, no. Hadith 6843), lafaz tasbih *سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ* (Sahih Muslim, no. Hadith 6846) Lafaz tasbih *سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ* pada waktu pagi (Jami' al-Tirmidhi, no. Hadith 3569), Lafaz tasbih *سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمَدَادَ كَلِمَاتِهِ*, sebanyak tiga kali pada waktu dhuha (Sahih Muslim, no. Hadith 6913), Lafaz tasbih lain seperti *سبحان ربي وبحمده*, *سبحان الله رب العالمين* yang Nabi pernah ucapkan pada malam hari (Jami' al-Tirmidhi, no. Hadith 3593 dan Sunan Ibn Majah, no. Hadith 3879), dan lafaz *سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ* (Jami' al-Tirmidhi, no. Hadith 3464), lafaz tasbih *سُبْحَانَ اللَّهِ* 33 kali setiap kali lepas solat fardu, 33 kali sebelum tidur dan 100 kali sehari (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 6329 dan 6318).

c. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir tahmid;

Terjemahan: Daripada Jabir bin 'Abd Allah r.a berkata, aku mendengar Nabi s.a.w bersabda;

"...doa yang paling utama adalah al-hamdulillah (Segala puji bagi Allah)". (Jami' al-Tirmidhi, no. Hadith 3383)

Anjuran Nabi s.a.w untuk melafazkan zikir tahmid sebanyak mungkin seperti setiap kali selepas solat sebanyak 33 kali (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 843) dan 33 kali setiap kali sebelum tidur (Sahih Muslim, no. Hadith 6915).

d. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir hawqalah;

Terjemahan: Daripada Abu Musa al-Asy'ari, beliau berkata, Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku;

"Mahukah kamu aku tunjukkan satu ucapan yang merupakan salah satu perbendaharaan syurga?" atau baginda bersabda, satu perbendaharaan daripada perbendaharaan syurga? Maka aku menjawab, "Tentu" Baginda bersabda, ucapan La hawla wala Quwwata illa billah (Sahih Muslim, no. Hadith 6862).

Menurut Imam al-Nawawi (2003), ucapan hawqalah merupakan satu ucapan berbentuk penyerahan dan pengakuan kepada Allah s.w.t yang digunakan untuk menyerah diri dan menyatakan bahawa manusia tidak mempunyai hak untuk memiliki sesuatu urusan. Ianya juga merupakan satu bentuk pengakuan yang menyatakan bahawa seseorang hamba tiada upaya untuk menolak sesuatu kejahatan (kemudaratan) dan tiada kekuatan untuk mendatangkan kebaikan kepada dirinya melainkan dengan kudrat iradat Allah s.w.t. Bagi pengamalan zikir *hawqalah*, Nabi tidak menetapkan bilangan khusus tetapi menganjurkan untuk melafazkan zikir ini sebanyak mungkin (Jami' Tirmidhi, no. Hadith 3601), selepas solat (Sahih Muslim, no. Hadith 1343) dan ketika keluar rumah (Sunan Ibn Majah, no. Hadith 3883),

e. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir hasballah;

Terjemahan: Daripada 'Abd Allah bin 'Abbas, berkata;

"Hasbunallah wa ni'mal wakil (cukuplah Allah (menjadi penolong) bagi kami dan Dia sebaik-baik pelindung) adalah kalimah yang diucapkan oleh Ibrahim a.s ketika dilemparkan ke dalam api. Muhammad s.a.w juga mengucapkan kalimat itu ketika orang-orang berkata, "orang-orang Quraisy telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kalian, kerana itu takutlah kepada mereka, ternyata ucapan itu menambah kuat iman mereka dan mereka menjawab, "cukuplah Allah (menjadi penolong) bagi kami dan Dia sebaik-baik pelindung". (Sahih al-Bukhari, no. Hadith 4563)

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2001), hadith ini menjelaskan tentang kekuatan dan kelebihan zikir *hasballah* yang mana lafaz zikir ini pernah diucapkan oleh Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Muhammad s.a.w. Nabi Ibrahim mengucapkan lafaz *hasballah* ketika mendapat ujian berat

dan disiksa oleh orang yang memusuhi baginda yang mencampakkan baginda ke dalam api. Begitu juga yang terjadi kepada Nabi s.a.w ketika baginda menghadapi pasukan musuh di medan perang dan lafaz zikir inilah yang dilafazkan oleh Nabi s.a.w bagi menghadapi cabaran berhadapan dengan musuh Islam dan menyerahkan segala urusan tersebut kepada Allah s.w.t.

Pengamalan Nabi s.a.w ialah dengan memperbanyakkan zikir ini ketika berada dalam kesulitan dan kesedihan yang berat, sambil baginda mengusap kepala dan janggut baginda kemudian menarik nafas panjang lalu menghembuskannya sambil membaca *حَسْبِيَ اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ* (Wahbah Zuhaili, 2009). Nabi menganjurkan melafazkan *حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ، وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ* sebanyak tujuh kali pada waktu pagi dan petang kerana kelebihanannya dibebaskan oleh Allah s.w.t daripada perasaan gelisah, takut dan lain-lain perasaan negatif (Sunan Abu Dawud, no. Hadith 5081).

f. Hadith menjelaskan tentang pengamalan zikir istighfar;

Terjemahan: Daripada al-Aghar al-Muzani salah seorang daripada sahabat bahawa Nabi s.a.w bersabda;

“Sesungguhnya hatiku tidak pernah lalai daripada zikir kepada Allah, dan sesungguhnya aku beristighfar seratus kali dalam sehari.” (Sahih Muslim, no. Hadith 6858)

Badr al-Din al-‘Aini (1999) menyatakan para ulama menjelaskan tentang pengamalan istighfar yang dilakukan oleh Nabi s.a.w, [Pertama] Nabi beristighfar untuk menjauhkan hati daripada sifat lalai daripada Allah s.w.t, [Kedua] Nabi beristighfar untuk menguatkan semangatnya semula apabila berada dalam keadaan sedih, [Ketiga] Nabi beristighfar jika baginda merasakan seharian kehidupannya dihabiskan dengan hal-hal keduniaan sedangkan hal keduniaan yang dilakukan oleh Nabi itu bukanlah satu perkara yang sia-sia. Tetapi pada pandangan baginda, perkara itu merupakan satu perkara yang berdosa walaupun hakikatnya perkara tersebut merupakan sebaik-baik bentuk ketaatan, [Keempat] Nabi beristighfar sebagai tanda menzahirkan ubudiyah kepada Allah s.w.t, [Kelima] Nabi beristighfar sebagai tanda bersyukur atas semua nikmat yang telah dianugerahkan, [Keenam] Nabi beristighfar sebagai contoh ikutan umatnya.

Nabi s.a.w beristighfar kepada Allah dengan lafaz istighfar [Pertama] Lafaz *أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ*, [Kedua] Lafaz *أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ* (Jami' al-Tirmidhi, no. Hadith 3397), dan [Ketiga] istighfar yang dibaca pada waktu pagi dan malam iaitu *وَأَنَا خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا عَنكَ ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا عَنكَ* (Sahih al-Bukhari, no. hadith 6306). Bilangan istighfar yang disunnahkan pula adalah; 100 kali sehari (Sahih al-Muslim, no. hadith 6858), 70 kali sehari (Sahih al-Bukhari, no. hadith 6307) dan semaksima bilangan istighfar kepada Allah s.w.t (Sunan Ibn Majah, no. hadith 3818). Waktu yang disunnahkan untuk beristighfar pula seperti yang diamalkan oleh Nabi s.a.w adalah setiap kali selepas solat sebanyak tiga kali (Sahih Muslim, no. hadith 1334) dan sebelum tidur tiga kali dengan lafaz *أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ*.

g. Hadith menjelaskan tentang pengamalan lafaz zikir gabungan;

Terjemahan: Daripada Ibn Mas'ud berkata, Rasulullah s.a.w bersabda;

“Aku bertemu Nabi Ibrahim pada malam Isra’ dia berkata, “Wahai Muhammad, sampaikan kepada salam kepada umatmu daripadaku dan beritahu mereka sesungguhnya tanah di syurga sangatlah harum, airnya segar, tanahnya lapang tanpa tanaman dan tanamannya adalah kalimat, Subhanallah, walhamdulillah, wala ilaaha illa Allah, wallahu akbar (Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan selain Allah dan Allah Mahabesar) (Jami' al-Tirmidhi, no. hadith 3462)

Lafaz zikir bergabung yang dimaksudkan di sini ialah lafaz zikir yang merangkumi lafaz tahlil, tasbih, tahmid, takbir, *taqdis*, *hawqalah*, *hasballah* dan istighfar. Kesemua lafaz zikir tersebut boleh dilafazkan dengan menggunakan lafaz tunggal seperti yang telah diterangkan sebelum ini dan boleh juga digabungkan kesemua lafaz tersebut. Terdapat empat jenis zikir yang terhimpun dalam hadith di atas iaitu lafaz tasbih, tahmid, tahlil dan takbir dan juga dikenali sebagai *الكلمات الطيبات*.

Menurut al-Mubarakfuri (2001), lafaz zikir dalam hadith diatas juga dikenali sebagai *الْبَيِّنَاتُ الصَّالِحَاتُ* iaitu amal-amal yang kekal lagi soleh dan sesiapa yang berzikir dengan lafaz zikir tersebut diberi ganjaran masuk ke syurga Allah s.w.t. Selain itu, Nabi s.a.w juga pernah berzikir dengan lafaz zikir bergabung seperti, zikir takbir, *taqdis* (*Subhanal Malikil Quddus*) dan tahlil (Abu Dawud, no. hadith 1501). Nabi s.a.w juga menganjurkan agar melafazkan lafaz zikir tahlil, takbir dan *hawqalah* digabungkan sekali iaitu *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ* yang mana kelebihan melafazkan zikir ini dihapuskan segala dosa walaupun sebanyak buih di lautan (Jami' al-Tirmidhi, no hadith 3460).

vi. Hadith Keenam: Hadith menjelaskan tentang tempat berzikir;

Terjemahan: Daripada Abu Musa, daripada Nabi s.a.w bersabda;

"Perumpamaan rumah yang disebutkan nama Allah di dalamnya dan rumah yang tidak disebutkan nama Allah padanya, adalah seperti yang hidup dan orang yang mati (Sahih Muslim, no. hadith 1823)

Menurut Imam al-Nawawi (2003), hadith di atas merupakan anjuran untuk berzikir kepada Allah ketika di rumah. Hadith ini juga secara zahirnya menjelaskan anjuran menghidupkan rumah dengan zikir kepada Allah s.w.t. Bukan itu sahaja, Nabi juga menganjurkan untuk menghidupkan rumah dengan solat sunat agar rumah mendapat berkat, rahmat dan dinaugi para malaikat. Selain menjadikan rumah sebagai tempat berzikir, masjid juga merupakan antara tempat yang baik dijadikan sebagai tempat berzikir atas kapasitinya sebagai "rumah Allah" iaitu tempat khusus beribadat kepada Allah s.w.t, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Jin ayat 18.

vii. Hadith Ketujuh: Hadith menjelaskan tentang kelebihan dan ganjaran berzikir;

Banyak kelebihan berzikir yang telah dijelaskan berdasarkan ulasan hadith. Walaubagaimanapun, secara umumnya, fungsi zikir kepada Allah ialah;

- a. Penyelamat daripada azab Allah s.w.t (Jami' al-Tirmidhi, no. hadith 3377),
- b. Penghapus dosa (Jami' al-Tirmidhi, no hadith 3380),
- c. Pelindung daripada keburukan dan hasutan syaitan (Jami' al-Tirmidhi, no. hadith 3410).
- d. Dilipat gandakan pahala bagi yang berzikir (Sunan Abu Dawud, no. hadith 2498),
- e. Zikir *hamdalah* dan tasbih merupakan zikir yang menjadi pemberat timbangan amalan kebaikan di akhirat kelak (Jami' al-Tirmidhi, no. hadith 3517).
- f. Zikir tahlil membuka hijab dengan Allah dan dipercepatkan doa sampai kepada Allah s.w.t (Jami' al-Tirmidhi, no. hadith 3518).

Kesimpulan

Konsep zikir menurut hadith Nabi s.a.w meliputi tujuh aspek iaitu anjuran dan jenis zikir, kaedah, kadar suara, waktu, lafaz dan bilangan, tempat dan ganjaran zikir. Jenis zikir terbahagi kepada tiga iaitu zikir hati, zikir lisan dan gabungan zikir hati dan lisan. Kaedah zikir pula terbahagi kepada dua iaitu zikir secara individu dan kedua berjemaah. Kadar suara terbahagi kepada dua iaitu berzikir secara suara perlahan dan kuat. Bagi waktu dan bilangan zikir terbahagi kepada dua iaitu yang ditetapkan dan tidak ditetapkan. Lafaz zikir pula terbahagi kepada dua iaitu lafaz zikir tunggal dan lafaz zikir gabungan yang pernah diamalkan dan dianjurkan oleh Nabi s.a.w. Manakala tempat berzikir pula terbahagi kepada tiga tempat iaitu di rumah, di masjid dan di mana-mana sahaja.

Perbahasan yang telah diketengahkan dalam analisis ini memperlihatkan tentang anjuran dan pengamalan berzikir yang bertepatan dengan apa yang terkandung dalam sunnah Nabi s.a.w. Justeru, menjadi satu kemestian untuk para Muslim mengikuti setiap apa yang telah disarankan sunnah Rasulullah supaya dapat membendung dari polemik lain yang boleh menimbulkan salah faham terhadap agama.

Rujukan

- 'Abdullah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al-Baydawi. (2001). *Tafsir al-Baydawi*, Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, 12:521.
- Abd al-Qadir Isa. (1981). *Haqiq 'An al-Tasawuf*, 'Amman: al-Matba'ah al-Wataniyah, 115.
- Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'di. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir al-Kalam al-Manan*. Riyadh: Dar al-Salam li Nasyar al-Tauzi', 564, 600, 903, 1017.
- Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 531.
- Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmidhi. (2000). *Jami' Tirmidhi* dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999, 2001, 2002, 2008, 2013.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Nisaburi. (2000). *Sahih al-Muslim* dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 769, 1147.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi. (1990). *Aisar al-Tafasir*, Jeddah: t.p, 3:411, 3:446, 5:170.
- Abu Dawud Sulayman ibn Ash'ath al-Azadi al-Sijistani. (2000). *Sunan Abu Dawud* dalam *Mausu'ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 1334, 1408, 1595.
- Abu Fida' Isma'il Ibn Kathir al-Qursyi al-Dimasyqi. (1997). *Tafsir Ibn Kathir*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah, cet. ke-2, Riyadh: Dar Taiyyibah lil Nasyr wal Tauzi', 1:655, 7:65.
- Abu Ja'far Muhammad bin Jarir at-Tabari. (2001). *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Cet. Ke 4, Beirut: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Arabiyah wa al-Islamiyyah, 14: 227, 20:602.
- Ahmad Mustofa al-Maraghi. (1946). *Tafsir al-Maraghi*, Mesir: Maktabah Mustofa al-Babi al-Halabi, 8:194.
- Al-Imam Abu al-Faraj Jamal al-Din 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad al-Jawzi al-Qursyi al-Baghdadiy. (1983). *Zaadu al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*, Beirut al-Maktab al-Islamiy, 5:350.
- Al-Imam Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa Badr al-Din al-Aini. (1999). *Syarh Sunan Abu Dawud*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 5:426.
- Al-Imam Muhammad bin Ismail al-San'ani. (2006). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr al-Tawzi', 4:600.
- al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah. (1992). (Kuwait : Wizarah al- Awqaf wa al-Syu'un al- Islamiyah, 21: 219-220.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2001). *Fath al-Bari Fi Syarh Sahih al-Bukhari*, Qaherah: Maktabah Misr, 2: 210, 2: 463, 6:191, 8:110-111, 11: 173, 11: 287-288, 11:291, 11:295, 12:547.
- Ibn Manzur. (2013). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith, 3:512, 514
- Ibrahim bin Ahmad bin Abd al-Fattah. (1984). *al-Qamus al-Qawim li al-Quran al-Karim*, Mesir: al-Hay'ah al-'Ammah li Shu'un al-Mat'abi al-Amiriyah, 1:243.
- Imam Nawawi. (2003). *Sahih Muslim Bi Syarah Imam Nawawi*, Kaherah: Dar al-Manar, 4:53, 5:240, 6:406, 17:189-190, 17: 196-197.
- Imam Nawawi. (2005). *al-Azkar*, Beirut: Dar Ibn Hazm, 11.
- Jalal al-Din al-Sayuti. (t.t). *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, Saudi Arabiyah: Wizarah al-Awqaf Saudi, 2:129-130.

Laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 16 Ogos 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=zikir>.

Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri. (2001). *Tuhafatu al-Ahwazi*, Kaherah: Dar al-Hadith, 8:463.

Muhammad 'Ali al-Tahanawi. (1996). *Mawsu'ah Kassyaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Lubnan: Maktabah Lubnan, 825.

Muhammad bin Soleh al-Uthaimin. (2003). *Tafsir al-Quran al-Karim*, Arab Saudi: Dar al-Thuraya, 15.

Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini, Sunan Ibn Majah dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 2704

Solih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Alu Syeikh. (2009). *al-Tafsir al-Muyassar* Madinah: Majma' Malik Fahd li Toba'ah Mushaf al-Syarif, 10.

Wahbah Zuhaili. (2009). *al-Tafsir al-Munir*. Dimasyq: Dar al-Fikr, 1:396, 1:581, 2:497, 3:260.